

22/05/2002

Matlamat Wawasan 2020 masih kekal: PM

Saidon Idris

TOKYO, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, matlamat Wawasan 2020 yang diilhamkannya masih kekal, di sebalik perubahan dalam persekitaran ekonomi dunia sekarang.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, jika berlaku perubahan ketara terhadap persekitaran ekonomi dunia, Malaysia mungkin bertindak balas dengan cara yang sesuai seperti yang dilakukan ketika krisis kewangan pada 1997/1998.

Beliau berkata demikian pada sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan bertajuk China - Satu Cabaran atau Peluang bagi Asean di Persidangan Antarabangsa Nikkei di sini hari ini.

Dalam sesi soal jawab itu, Perdana Menteri ditanya sama ada Malaysia masih mengekalkan matlamatnya untuk menjadi sebuah negara maju menjelang 2020 berikutan berlaku perubahan dalam persekitaran ekonomi dunia.

Pada majlis itu, beliau juga ditanya mengenai perkara yang dibincangkannya dengan Presiden George W Bush, terutama berkaitan keganasan, peranan Malaysia dalam Asean, pandangannya terhadap harta intelektual dan negara yang sering bertukar pemimpin.

Menjawab soalan berkenaan, Dr Mahathir berkata, jika seseorang pemimpin itu hanya dibenarkan memegang jawatan hanya bagi tempoh dua tahun, ia tidak dapat membuktikan kemampuannya.

Terdahulu, dalam ucapannya Dr Mahathir berkata, negara di Asia Tenggara perlu melihat kebangkitan China sebagai kuasa baru ekonomi dunia secara positif bagi membolehkannya meraih manfaat daripada kekayaan yang bakal dihasilkan negara itu.

Perdana Menteri berkata kebangkitan China membawa kedua-dua cabaran dan peluang kepada negara di Asia Tenggara, tetapi sama ada memberi manfaat atau keburukan, ia bergantung kepada negara di rantau itu sendiri.

"Jika (negara) Asia Tenggara menerima hakikat bahawa China akan terus wujud, tidak boleh diketepikan, dan akan memainkan peranannya dalam pembangunan Asia Timur dan dunia, serta melihatnya sebagaimana mereka melihat Jepun dan Korea, maka sebagaimana Jepun dan Korea menyumbang kepada kekayaan di Asia Tenggara, China juga akan berbuat demikian," katanya.

Dr Mahathir berkata, dari segi cabarannya, kesan kebangkitan China itu sudah dirasakan apabila kelebihannya sebagai negara yang mempunyai kos buruh rendah dan pasaran domestik besar sudah mengurangkan kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) ke Asia Tenggara.

Namun, katanya, Jepun dulu juga bermula sebagai negara yang mempunyai kos yang rendah, tetapi ia tidak kekal lama kerana apabila menjadi semakin maju, kos buruhnya juga meningkat dengan begitu pantas.

Perdana Menteri berkata, peningkatan kos buruh yang tinggi itu menyebabkan Jepun terpaksa melabur bagi mengalihkan kemudahan pengeluarannya ke Asia Tenggara bagi mengekalkan daya saing produknya.

Di samping itu, pemindahan teknologi yang dibuat Jepun, sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada negara di Asia Tenggara sudah membangunkan kemampuan industri di rantau ini.

Dr Mahathir berkata, China juga akan berkembang dengan corak yang sama sebagaimana Jepun.

Malah, katanya, kemasukan pelancong China ke Asia Tenggara kini semakin meningkat.

"Kami juga sudah melihat kemasukan pelaburan China dan peningkatan import sesetengah produk termasuk barangan elektronik dan komponen,"

katanya.

Perdana Menteri berkata, apabila negara yang mempunyai 1.3 bilion penduduk memperoleh sedikit kenaikan dalam pendapatan, kesannya kepada pertambahan kuasa beli adalah jauh lebih besar daripada di negara bersaiz biasa.

Dr Mahathir bagaimanapun percaya China tidak akan membiarkan negara lain, terutama negara di Asia Tenggara miskin sehingga tidak dapat membeli barang keluarannya.

"Adalah penting bagi China memastikan kemajuan negara lain yang akan menjadi pasarannya, dan ini bermakna meningkatkan pelaburannya di negara berkenaan serta menambah pembelian bahan mentah dan komponen yang dihasilkan negara terbabit," katanya sambil menegaskan Asia Tenggara yang mempunyai setengah bilion penduduk akan menjadi pasaran yang baik bagi barangan dan perkhidmatan China.

Justeru itu, kata Perdana Menteri, perhubungan symbiotic antara China dan Asia Tenggara boleh dikembangkan.

"China yang kaya akan memerlukan banyak barangan yang tidak boleh dihasilkannya sendiri dan keperluan itu adalah besar.

"Minyak sawit Malaysia dan Indonesia sudah mempunyai pasaran yang tersedia di China. Begitu juga palpa dan kertas, minyak dan gas serta bahan kimia, dan dengan wujudnya stok yang banyak memberikan kelebihan kepada sebilangan negara Asia Tenggara," katanya.

(END)